

15 NOV 1997

Mahathir-kekayaan

KEKAYAAN ASIA TENGGARA JATUH 30 PERATUS AKIBAT KEMEROSOTAN NILAI MATA WANG

KULIM, 15 Nov (Bernama) -- Kemerosotan nilai mata wang beberapa negara Asia Tenggara telah menghakis lebih 30 peratus daripada kekayaan rantau ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kesemuanya, kita anggarakan sekitar US\$200 bilion (kira-kira RM670 bilion) telah lesap dari negara-negara di rantau ini," kata beliau ketika merasmikan kilang Industri Otomotif Komersial (M) Sdn Bhd di Padang Serai dekat sini.

Dr Mahathir berkata import ke rantau ini juga dijangka berkurangan pada tahap yang hampir sama.

Beliau berkata negara-negara rantau ini menghadapi masalah kemerosotan nilai mata wang yang menyebabkan kos import bertambah.

"Hari ini, kita tidak mampu mengimport terlalu banyak barang kerana kita kekurangan wang," katanya.

Ketika diminta mengulas lebih lanjut di persidangan berita kemudiannya, Dr Mahathir berkata penurunan nilai mata wang dan pasaran modal yang tertekan bukan hanya dialami di Asia Tenggara malah di negara-negara lain termasuk Taiwan, Hong Kong dan Korea Selatan.

Beliau berkata ini telah mengakibatkan kuasa membeli berkurangan berikutan pengurangan dalam pendapatan per kapita dan keluaran dalam negara kasar negara-negara terbabit.

Bagi Malaysia, katanya, ia kerugian US\$30 bilion (RM100 bilion) kerana pendapatan per kapitanya merosot sebanyak US\$1,500 (RM5,025) daripada US\$5,000 (RM16,700) sebelum nilai ringgit susut sebanyak 30 peratus.

Dr Mahathir berkata Malaysia telah berjaya mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi melebihi 8 peratus selama sembilan tahun berturut-turut tetapi terdapat sesetengah orang yang menyatakan ia sedikit sebanyak tidak sihat dan ekonomi akan berkembang terlalu pantas tidak lama lagi dan negara akan berdepan dengan kemelesetan ekonomi sekali lagi.

Katanya: "Sejak beberapa tahun kebelakangan pihak ini telah memberitahu kita bahawa kita tidak boleh mengekalkan kadar pertumbuhan 8 peratus tetapi kita telah menunjukkan bahawa kita mampu mengekalkan kadar pertumbuhan ini.

"Pihak pesimis seperti ini masih lagi menyatakan ini tidak boleh dilakukan dan ia seharusnya tidak berlaku, dan tidak lama lagi ekonomi akan terjejas.

"Bagaimanapun, ekonomi Malaysia terus berkembang pada kadar 8 peratus dan mereka berpendapat bagi memastikan ramalan mereka betul, mereka mengambil langkah untuk menurunkan nilai mata wang kita."

Perdana Menteri berkata orang seperti ini ternyata menafikan tindak tanduk mereka dan menyalahkannya kepada soal asas dan segala jenis alasan.

"Sekiranya mereka tidak memutar belitkan ringgit, mata wang tersebut tidak akan susut nilai," katanya.

Selepas merasmikan kilang itu, Dr Mahathir dibawa melawat sekitarnya dan menyaksikan pengeluaran van yang diberi nama Permas yang dijangka dipasarkan menjelang awal tahun depan. -- BERNAMA

RIZ MA MAI